



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**29 Disember 2020
14 Jamadilawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• JAS Perak Siasat punca ikan mati di Sungai Tumboh
Harian Metro	•
Kosmo !	• Sampel air Sungai Tumboh dianalisis, cari punca ribuan ikan mati
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			20	29/12/20
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

20

SELASA, 2

JAGA SUNGAI KITA

JAS Perak siasat punca ikan mati di Sungai Tumboh

Analisis sampel air, lihat segala kemungkinan faktor kejadian

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Kampung Gajah: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak melancarkan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian ikan di Sungai Tumboh, di sini.

Pengaruhnya, Rozli Zul, berkata siasatan awal mendapati lokasi berkenaan terletak jauh dari kawasan perindustrian yang memungkinkan berlakunya pence-

maran air.

Bagaimanapun, katanya, terdapat sebuah kilang memproses sawit dan kawasan pertanian berhampiran lokasi berkenaan. "JAS sudah mengambil sampel air di kawasan itu untuk dianalisis dan kita sedang melihat segala kemungkinan yang menjadi punca kejadian," katanya.

Kejadian ikan mati di sungai itu turut dikongsi Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, di Facebook rasmi beliau, semalam.

"Menerima beberapa keping gambar dan video menunjukkan banyak ikan mati di Sungai Tumboh, Kampung Gajah. Saya telah minta pihak JAS menyiasat dengan segera," katanya ringkas.

Status yang dimuat naik Tuan Ibrahim mendapat 3,400 reaksi daripada warganet, selain lebih 200 komen serta lebih 200 ber-kongsi mengenainya setakat jam 1 tengah hari, semalam.

Berdasarkan gambar yang dimuat naik menteri berkenaan, kelihatan ribuan ikan mati dan terapung di permukaan sungai.

JAS sudah mengambil sampel air di kawasan itu untuk dianalisis.

Rozli Zul,
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Perak



Ribuan ikan mati di Sungai Tumboh, Kampung Gajah.
(Foto ihsan FB Datuk Seri JAS)

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			16	29/12/20
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL				

Sampel air Sungai Tumboh dianalisis, cari punca ribuan ikan mati

IPOH – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak sedang menjalankan siasatan terperinci bagi mengetahui pasti punca ribuan ikan mati di Sungai Tumboh dekat Kampung Gajah di sini.

Pengarah JAS Perak, Rozli Zul berkata, berdasarkan siasatan awal sekumpulan pegawai mendapati lokasi ikan mati itu terletak jauh dari kawasan perindustrian yang memungkinkan berlakunya pencemaran air.

"Bagaimanapun terdapat sebuah kilang memproses sawit dan kawasan pertanian terletak berhampiran lokasi.

"JAS sedang mengenal pasti punca dan mengambil sampel air di kawasan itu untuk dianalisis terlebih dahulu.

"Kita sedang melihat segala kemungkinan yang boleh menjadi punca kejadian," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, perkara sama



GAMBAR tular sejak kelmarin menunjukkan ribuan ikan mati di Sungai Tumboh dekat Kampung Gajah, Ipoh.

turut dikongsi Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dalam laman Facebook rasmi beliau.

Status yang dimuat naik Tuan Ibrahim itu mendapat 3,400 reaksi daripada netizen selain

lebih 350 komen dan lebih 340 netizen berkongsi mengenainya setakat pukul 6 petang semalam.

Berdasarkan gambar yang dimuat naik itu, kelihatan ribuan ekor ikan mati dan terapung di permukaan sungai.